

24 resolusi martabatkan bangsa dilulus

BT - 7/11/2006

KUALA LUMPUR: Konvensyen Umno Wilayah Persekutuan kelmarin berjaya menjadikan perjuangan memartabatkan Melayu Bandar Wilayah Persekutuan sebagai satu contoh terbaik kepada kejayaan pembangunan Melayu global (global dan lokal) yang maju, bersifat terbuka, berdaya saing dan berwibawa.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, berkata konvensyen itu bukan saja membahaskan isu semasa warga kota, malah turut memberi imej baru pembangunan Melayu bandar untuk mencapai Wawasan 2020 selaras dengan temanya: "Umno Wadah Perjuangan Memartabatkan Melayu Bandar".

Konvensyen kelmarin berjaya membahaskan isu yang berkait rapat dengan pembangunan Melayu bandar yang dapat mengangkat mereka ke satu martabat yang lebih tinggi dan berjaya, katanya di sini.

Hasil konvensyen disampaikan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika menutup majlis itu kelmarin.

Zulhasnan berkata, Umno Wilayah Persekutuan menjadikan 2006 dan awal 2007 sebagai tahun 4M manakala 2007 sebagai tahun 3M.

Pendekatan 4M ialah membincang, merancang, mengatur strategi dan merangka gerak kerja jentera pilihan raya Umno dan BN WP manakala 3M ialah memperhalusi isu yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.